



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

13 Januari 2021
29 Jamadilawal 1442H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	• Hilang pendapatan, 1,000 keli mati
Berita Harian	•
Harian Metro	• Sabarlah Pak Halim! • Serbu lubuk udang
Kosmo !	• Rezeki nelayan sauk ikan belanak
Sinar Harian	•
The Star	• Fishermen's difficult catch
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysia Dateline	•
Bernama	•
See Hua Daily News (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
The Borneo Post	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		30	13-1-2021



NURUL JANNAH Roh menunjukkan ikan keli yang diternaknya mati di Kemaman, semalam.

UM M/S 30 13-01-2021

Hilang pendapatan, 1,000 keli mati

KEMAMAN: Suami isteri orang kurang upaya (OKU) dari Bukit Mentok di sini terkejut dan tidak menyangka kira-kira 1,000 ekor ikan keli yang diusahakan mereka mati pagi semalam.

Ketika kejadian, Nurul Jannah Roh, 26, baru sahaja hendak memberi makan kepada ikan tersebut yang ditempatkan dalam sebuah tangki pada pukul 9 pagi, tetapi terperanjat apabila mendapati semuanya mati.

Keadaan itu sekali gus membantutkan hasrat Nurul Jannah dan suaminya, Muhammad Firdhaus Hasan, 27, yang masing-masing lumpuh untuk meluaskan pasaran ke pasar raya bulan ini.

"Kolam ternakan ditenggelami banjir pada Rabu lalu, jadi, kami terpaksa memindahkan ter-

nakan dalam tangki besar.

"Petang semalam, ikan-ikan masih elok dan saya sudah terfikir untuk mengalihkannya kembali ke tempat asal selepas kolam siap dicuci, namun, tidak sangka pagi ini semua mati," katanya ketika ditemui di rumahnya, semalam.

Nurul Jannah yang sedih dengan nasib malang menimpa mereka terpaksa mencari modal untuk membeli benih ikan baharu.

Sementara itu, Muhammad Firdhaus tidak menyangka perniagaan yang diusahakan mereka sejak Mac tahun lalu berdepan musibah sekelip mata.

"Kami sudah berusaha mengalihkan ikan ke tempat selamat ketika rumah dan kolam dilimpahi banjir tetapi tiada rezeki kami," katanya.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO	✓	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		11 13.1.2021		

Sabarlah Pak Halim!

HM M13 11 13.01.2021

Pengusaha ikan sangkar kerugian RM800k akibat kepala air

Oleh Mohd Rashidi Yusuf
am@hmetro.com.my

Lenggong

Pengusaha ternakan ikan darat dalam sangkar tidak patah semangat walaupun mengalami kerugian yang dianggarkan bernilai kira-kira RM800,000 apabila projek diusahakannya musnah dilanda kepala air pada Jumaat lalu.

Halim Bakar, 73, tinggal di Kampung Kelantan, Kuak dekat sini, berkata, dia tetap akan meneruskan usahanya walaupun terpaksa menanggung kerugian kali kedua selepas banjir besar 2014.

Menurutnya, kerugian mengusahakan sesuatu projek kerana dilanda musibah adalah perkara biasa yang orang lain juga tidak terlepas mengalaminya.

Sebaliknya, dia berasa bersyukur kerana beberapa pihak antaranya Jabatan Perikanan Hulu Perak, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Penghulu Mukim Durian Pipit datang melawat selepas projeknya itu ditimpa musibah.

"Ini musibah kali kedua, ketika banjir besar pada 2014 saya alami kerugian kira-kira RM1 juta," katanya.

Dalam kejadian itu, lima sangkar ternakan ikan darat yang diusahakannya di Lubuk Puteri, Sungai Perak dekat sini musnah.



HALIM

Kepala air itu menyebabkan sangkar ternakan ikan tilapia dan jelawat kemek dan ada yang pecah, manakala dua sangkar milik jirannya turut musnah.

Menurut Halim, empat sangkarnya mengandungi kira-kira 100,000 ikan tilapia bersaiz antara 500 gram hingga 1.4 kilogram dan sa-

tu lagi ada 5,000 jelawat bersaiz antara 800 gram hingga 1.5 kilogram.

"Ikan di kelima-lima sangkar itu berusia kira-kira enam bulan dan hanya baru beberapa kali hasilnya dapat dijual kepada peraih.

"Hasil ternakannya selama ini dijualnya kepada Restoran Tasik Raban, Pasar Besar Lenggong, Gerik dan Kuala Kangsar dan sebuah restoran di Selangor secara borong dengan harga antara RM14 dan RM16 untuk ikan tilapia dan RM25 bagi ikan jelawat sekilogram.

"Sayang sekali kerana ikan-ikan itu terutama tilapia yang sebahagiannya tidak dapat keluar dari sangkar yang kemek dan mati lemas begitu sahaja.

"Saya anggarkan hanya 40 peratus sahaja yang berjaya keluar dari sangkar yang pecah," katanya.

“Ketika banjir besar pada 2014 saya kerugian kira-kira RM1 juta”
Halim



LIMA sangkar tilapia dan jelawat musnah dihimpit kepala air yang deras Jumaat lalu menyebabkan kerugian RM800,000.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO	✓	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		12		
							12	13-01-2021	

Serbu lubuk udang

HM M/S 12 13-01-2021

Pemburu udang galah 'banjiri' Sungai Kelantan kail sepih biru

Oleh Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

Tumpat

Musim tengkujuh dan pasca banjir lazimnya sangat ditunggu-tunggu kaki pancing terutama pemburu udang galah.

Lokasi di sepanjang pulau di delta Sungai Kelantan dikenali pasti sebagai lubuk udang galah yang mengundang kehadiran pemancing tanpa mengira masa.

Bagi pengusaha bot pelancong, Mohd Hussin Deraman, 48, pasca banjir adalah waktu ditunggu kaki pancing termasuk dia sendiri yang akan turun ke lubuk di sekitar pinggir Sungai Kelantan.

"Waktu sebegini memang sangat banyak udang galah di kawasan pinggir Sungai Kelantan dan menjadi lokasi tumpuan pemancing.

"Selain memancing untuk diri sendiri, saya juga selalu membawa kaki pancing yang menyewa bot pelancong untuk dibawa ke lubuk tertentu bagi memancing udang galah," katanya ketika ditemui di jeti Kok Majid di sini, kelmarin.

Mohd Hussin berkata, aktiviti memancing udang galah bergantung kepada keadaan pasang surut air sungai yang mana ji-

ka parasnya meningkat, aktiviti itu tidak dilakukan kerana mengundang risiko.

Beliau berkata, untuk pasca banjir, aktiviti itu dilakukannya hampir seminggu lalu dan memperoleh antara dua hingga tiga kilogram (kg) setiap hari.

"Biasanya hasil yang saya peroleh ini, pembeli sudah memesan lebih awal tanpa mengira sebanyak mana yang mampu saya pancing dan ia dijual pada harga RM70 sekilogram.

"Musim mengail udang galah berakhir sekitar Mac atau April dan disusuli aktiviti memancing cencaru serta candat sotong," katanya.

Dia yang berasal daripada Kampung Chat di sini, berkata, khidmat sewaan bot

dikenakan pada kadar RM150 untuk sehari iaitu bermula jam 8 pagi hingga 5 petang.



MOHD Hussin (kanan) menunjukkan udang galah yang dipancing bergantung kepada pasang surut air sungai ketika ditemui di jeti Kok Majid.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		17	13-1-2021

Rezeki nelayan sauk ikan belanak

Oleh ROHANA MOHD. NAWI

KOSMO M/S 17 13-01-2021

BACHOK – Nelayan yang tinggal di pesisir Pantai Melawi di sini mencari rezeki dengan kaedah lain tatkala mereka tidak dapat turun ke laut dengan menangkap ikan belanak yang banyak di kawasan itu ketika musim tengkujuh.

Ikan belanak yang bersaiz sederhana itu hanya akan muncul di kawasan pesisiran pantai setiap kali bulan November hingga Mac.

Menurut seorang penduduk, Mohd. Noor Awang, 36, dia mula menyauk ikan belanak di kawasan itu sejak dua buian lalu kerana tidak boleh keluar menangkap ikan di laut sewaktu musim tengkujuh.

Katanya, dia akan keluar pada pukul 10 pagi kerana ketika itu keadaan ombak tenang sekali gus memudahkan kerja-kerja menangkap ikan menggunakan penyauk yang direkanya sendiri.

"Saya membuat penyauk ini dengan modal sebanyak RM50 dengan menggunakan batang ni-



MOHD. KHAIRIL (kanan) bersama dua saudaranya sedang menyauk ikan belanak di Pantai Melawi, Bachok kelmarin.

bong dan jaring. Teknik membuat penyauk ini dipelajari daripada arwah datuk saya, Awang Nuh yang sudah meninggal dunia se-

jak 15 tahun lalu.

"Saya bersama dua lagi saudara terdekat akan memperoleh sebanyak 15 hingga

16 kilogram ikan belanak sehari. Kebiasaannya, kerja-kerja menangkap ikan akan dilakukan sehingga lewat petang," katanya

ketika ditemui pemberita di pesisir Pantai Melawi di sini kelmarin.

Mohd. Noor berkata, hasil yang diperoleh akan dijual kepada peraih dan orang ramai dengan harga antara RM6 hingga RM8 sekilogram.

Katanya, ikan belanak lebih enak apabila dimasak asam pedas, goreng kunyit, goreng celup tepung dan boleh dibuat ikan pekasam.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Mohd. Khairil Mo-namad, 27, berkata, dia juga mula menangkap ikan itu sejak dua bulan lalu selepas melihat spesies tersebut banyak bermain-main di pesisiran pantai.

Katanya, sekiranya memperoleh hasil yang banyak, dia akan menjualnya kepada peraih yang berniaga di pasar berdekatan.

"Kerja menyauk ikan belanak ini merupakan hobi saya. Kebiasaannya ikan yang ditangkap sekadar untuk makan bagi ahli keluarga sahaja dan akan dijual sekiranya memperoleh hasil yang banyak," jelasnya lagi.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR	✓	NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		STAR METRO 7	13/1/2021

Fishermen's difficult catch

THE STAR STAR METRO 7 13.01.2021

By REMAR NORDIN
metro@thestar.com.my

FISHERMEN in Kampung Pasir Gudang Baru have shifted from catching fish to harvesting mussels at a farm near Kampung Orang Asli Kuala Masai in Masai, Johor.

Southern Johor Fishermen Association chairman Azli Aziz said this had become an annual affair due to the monsoon season, as most of the fishermen would not be able to go out to sea.

However, he said due to the large number of participants and limited resources, the association had to limit the quantity of mussels that could be harvested in a day from the mussel farm.

"The harvesting period (for mussels) is usually before the monsoon season between June and September. During that time, each person can harvest at least 40kg a day.

“During monsoon season, the amount of mussels that can be harvested dwindles as rainwater affects the growth and sometimes, kills the mussels.

Azli Aziz

“But during monsoon season (October to March), the amount of mussels that can be harvested dwindles as rainwater affects the growth and sometimes kills the mussels,” he said when met at Pasar Nelayan Kampung Pasir Gudang Baru in Masai.

The mussels are sold at about RM2.80 per kg.

“This price is cheap compared to

Loss of supplementary income as heavy rainfall affects harvest of mussels in Masai



Mussel breeders from Kampung Orang Asli Kuala Masai busy harvesting at the farm at the Straits of Johor, near the village.

the ones sold by middlemen which can be up to six times higher,” he said, adding that these days the fishermen could barely harvest about 15kg per day.

“Our main concern during the monsoon is that when waters from the rain-swollen Sungai Masai flows down to the farm situated near the mouth of the river in the Straits of Johor, mussels that are near the water surface will die and fall off.

“And since the harvesting period is over, you are left with mussels that are small.

“It would take time to select mussels that have matured for harvesting,” he said.

Azli said some fishermen still went out to sea to increase their income, but stayed closer to the shore and for a shorter period.

“Before monsoon, we usually go

out in the wee hours of the night and return in the morning after six or seven hours at sea.

“The usual spot for our fishermen is either near Kukup or Pengerang waters, but during the monsoon season, we usually go only as far as Sungai Johor because of safety concerns,” he said.

He added that to help the fishermen, the Malaysian Fisheries Development Board Johor had allocated RM10,000 for 10 fishermen to be part of a cash crop project that started on Dec 25 last year.

“This is part of a pilot project that the Agriculture Ministry has introduced to help local fishermen gain a side income,” he said, adding that the fishermen would be planting sugarcane in Kampung Pasir Gudang Baru.



Azli says fishermen can only harvest about 15kg of mussels a day now, compared to 40kg between June and September.